

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATO
HUSSEIN ONN, SELAKU PENGERUSI
BARISAN NASIONAL KEBANGSAAN DI
MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM BARISAN
NASIONAL JOHOR BAHRU DI KELAB GOLF
TASEK UTARA, JOHOR BAHRU, PADA 5HB
MEI, 1978 - JAM 9.00 MALAM.

1. Ketua-Ketua Parti Anggota Barisan Nasional Negeri Johor,
2. Pemimpin-pemimpin Parti Anggota Barisan Nasional Johor Bahru,
3. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sungguh merasa gembira pada malam ini, kerana dapat hadir di Majlis yang permai ini. serta dapat beramah mesra dengan pemimpin dan ahli parti-parti anggota Barisan Nasional Johor Bahru. Saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada penganjur Majlis ini, diatas penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya. Kehadiran ahli-ahli parti-parti anggota yang

begitu ramai di majlis ini, melambangkan perpaduan di kalangan parti anggota Barisan Nasional dalam kawasan Johor Bahru.

2. Oleh kerana kawasan parlimen Johor Bahru
ketiga

mempunyai bilangan pengundi yang/besarnya di seluruh negara, maka sewajarnya perpaduan dan persefahaman di kalangan parti anggota Barisan Nasional ini, di pelihara dan dikekalkan, supaya dapat menarik minat dan kepercayaan rakyat, khususnya pengundi-pengundi di kawasan ini.

3. Saya amat gembira diberi tahu, bahawa MCA telahpun dapat menambahkan penubuhan cawangan-cawangannya dalam kawasan ini. Langkah ini sudah

tentu dapat meningkatkan lagi kegiatan partinya. Ini bermakna, perkembangan pengaruh Barisan Nasional telah juga meluas. Saya harap, setiap parti anggota Barisan Nasional dalam kawasan-kawasan lain, dapat juga meluaskan kegiatan dan pengaruh masing-masing. supaya dapat menghasilkan dan membawa sokongan yang lebih besar kepada Barisan Nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Dalam usaha kita meluaskan pengaruh parti, setiap pemimpin hendaklah selalu mendampingi rakyat, serta mengambil tahu kesulitan dan masalah rakyat, terutama mereka yang miskin dan golongan yang berpendapatan rendah. Kita mestilah dengan sedaya

upaya kita cuba membantu menyelesaikan masalah mereka, menerusi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, atau melalui jentera pentadbiran Kerajaan.

5. Saya diberitahu, bahawa satu daripada masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan ini, ialah perumahan. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perumahan bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah. Keperluan perumahan adalah lebih mendesak di kawasan-kawasan bandar, disebabkan kesesakan penduduk akibat dari perpindahan mereka dari kawasan-kawasan luar bandar.

6. Kerajaan Persekutuan telahpun menyusun satu program perumahan bagi menampung keperluan seluruh negara, terutama rakyat yang berpendapatan rendah, supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang lebih selesa. Matalamatnya, ialah menyediakan 60,800 buah rumah murah. Dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Persekutuan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak hampir \$470 juta bagi projek dan rancangan perumahan. Negeri Johor telah diberi peruntukan sebanyak \$55.8 juta. Beberapa projek perumahan telahpun dilaksanakan di negeri Johor, seperti di Tampoi, di Kulai, di Pagoh (Muar), di Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail (Muar), di Bukit Chagar, Larkin dan di Pasir Gudang.

7. Di Bukit Chagar, 4 blok rumah pangsa setinggi 17 tingkat, sedang dibina yang akan siap secara berperingkat-peringkat. Projek yang berharga \$20 juta ini, akan dapat menyediakan tempat tinggal bagi 1,600 keluarga. Demikian juga dengan satu lagi projek perumahan yang baru dimulakan di Larkin. Projek yang berharga \$15 juta ini, juga mengandungi 4 blok rumah pangsa. Selain dari ini, Kerajaan juga membina rumah-rumah pangsa dan lain-lain jenis rumah murah di Pasir Gudang, bagi menampung keperluan pekerja-pekerja di situ. Sebanyak 24 blok rumah, tiap-tiap satu mengandungi 32 yunit, sedang dibina. Enam daripadanya, dijangka siap pada akhir tahun ini. projek Pasir Gudang ini, menelan belanja sebanyak 110 juta. Dengan siapnya semua projek-projek

perumahan ini kelak, masalah perumahan bagi kawasan Johor Bahru, dapatlah sedikit sebanyak diatasi.

8. Saya difahamkan, bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengenakan syarat kepada pemaju-pemaju rumah swasta di kawasan Johor Bahru, supaya mendirikan sekurang-kurangnya 40 peratus dari jumlah yunit projek perumahannya, untuk rumah-rumah yang berharga 115 ribu ke bawah. Sesungguhnya, inilah langkah yang sebaik-baiknya bagi melibatkan pihak swasta,, dalam menyelesaikan masalah rumah bagi rakyat berpendapatan rendah ini. Pemaju-pemaju rumah hendaklah membantu Kerajaan dalam mengatasi masalah ini. Disamping mencari keuntungan, mereka juga mempunyai peranan dan kewajipan kepada rakyat dan negara.

9. Dalam melaksanakan rancangan dan syarat ini, pemaju-pemaju rumah telah diminta supaya menyerahkan rumah-rumah yang berharga 115 ribu kebawah itu, kepada Kerajaan Negeri, supaya dibahagi-bahagikan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar berkelayakan. Dengan jalan ini, pembahagian yang adil dan saksama dapat dilakukan. Setakat ini, sebanyak 300 yunit rumah telahpun dapat dibahagikan di bawah rancangan ini di kawasan Kampung Pandan. iaitu di Jalan Kota Tinggi. Saya harap pemaju-pemaju di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar., dapat mencontohi rancangan dan kerjasama yang diwujudkan di Johor Bahru ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Saya merasakan ucapan saya ini tidak lengkap, jika saya tidak menasihatkan ahli parti-parti

anggota Barisan Nasional supaya bersiap sedia menghadapi pilihanraya. Sebagaimana saya selalu nyata dan tegaskan, perlunya jentera pilihanraya Barisan Nasional disemua peringkat, diletakkan dalam keadaan siap sedia pada setiap masa, supaya kita sentiasa mempunyai keupayaan dan kemampuan menghadapinya pada bila-bila masa jua.

11. Saya memang tidak merasa jemu mengulangi ingatan saya, supaya setiap parti anggota Barisan Nasional, sentiasa meletakkan kepentingan negara dan kepentingan Barisan Nasional, diatas segala kepentingan parti masing-masing. Setiap ahli parti anggota Barisan Nasional, hendaklah menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya masing-masing, bagi memastikan kejayaan cemerlang Barisan Nasional

dan kemenangan setiap calon Barisan Nasional, yang bertanding dalam pilihanraya yang akan datang ini.

12. Saya menggesa sekalian hadirin pada malam ini, memastikan calon Barisan Nasional di kawasan Parlimen Johor Bahru dan kawasan-kawasan Undangan Negeri, mengekalkan, kalau boleh meningkatkan lagi, kelebihan undi yang diperolehi oleh calon-calon Barisan Nasional pada tahun 1974. Encik Jaafar Hamzah telah berjaya mendapat kelebihan 18,060 undi, iaitu yang terbesar sekali diseluruh negara, sementara Encik Abdul Hamid mendapat kelebihan 9,363 undi. Oleh itu, setiap ahli hendaklah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh, supaya setiap calon Barisan Nasional yang bertanding dalam pilihanraya yang akan datang ini, memperolehi kelebihan undi

yang lebih meningkat lagi. Saya harap, lebih ramai lagi calon-calon Barisan Nasional di negeri Johor ini, sama ada dalam kawasan Parlimen mahupun kawasan Dewan Undangan Negeri, mencapai kemenangan tanpa bertanding dalam pilihanraya yang akan datang ini. Itulah sebabnya kita mesti menunjukkan perpaduan tulen dalam setiap Bahagian atau kawasan, supaya dapat menawan hati, atau memperolehi keyakinan dan kepercayaan setiap pengundi dalam kawasan kita itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Sebagaimana saya nyatakan pagi ini, bahawa kekuatan dan perpaduan kita pasti akan diuji.

Berbagai dugaan dan cabaran akan didatangkan kepada kita, kepada parti kita dan kepada pemimpin kita, menjelang

masa pilihanraya. Tujuan dan matalamatnya tidak lain dan tidak bukan, memecahkan perpaduan kita ini, serta meretakkan persefahaman dan keharmonian parti anggota Barisan Nasional. Musoh-musoh dan parti-parti lawan kita, sentiasa berikhtiar dengan apa cara jua, bagi memecahkan kekukuhan barisan kita dan perpaduan kita. Itulah sebabnya setiap kita mesti sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga, supaya kita tidak terpedaya dengan tipu helah yang jahat ini. Inilah pesanan saya kepada semua ahli-ahli parti anggota Barisan Nasional di semua peringkat di seluruh negara.

14. Perkara-perkara kecil yang boleh diselesaikan dengan cara perundingan di kalangan pucuk pimpinan,

janganlah diperbesar-besarkan atau dibincangkan secara terbuka. Ini akan hanya menguntungkan musuh dan parti lawan kita. Sikap kita mestilah meneliti setiap langkah dan tektik parti lawan atau musuh-musuh kita, iaitu anasir-anasir anti-nasional, supaya kita dapat mengatasi mereka serta memusnahkan niat hasad dan matalamat jahat mereka itu.

15. Sewajarnya, Johor mengekalkan rekod baik dan kejayaan cemerlang yang telah diperolehi dalam semua bidang. UMNO telah mula-mula diasaskan di Johor, dan telah lama berakar-umbi diseluruh negeri. Persefahaman nya dengan MCA dan MIC begitu erat dan tulin, sejak penubuhan Perikatan hinggalah ke zaman Barisan

Nasional. Barisan gabungan tiga sekawan
bagitu teguh dan kukuh sehingga -tidak dapat
ditembusi oleh lain-lain parti politik, kecuali
Parti Gerakan, iaitu anggota Barisan Nasional
yang
juga, /telah dapat memulakan penubuhan cawangannya
dan menjalankan kegiatannya. Sekalipun pada
zahirnya, rupa bentuk gabungan parti-parti
politik yang memegang teraju pentadbiran Negeri
terus dalam perkongsian asalnya - tiga sekawan
namun semangat dan pemikiran gabungan ini,
tetap melahirkan Barisan Nasional. Sungguh
unik lagi bersejarah. Memang negeri Johor sentiasa
bergerak mengikut perkembangan dan kemajuan.

16. Saya harap, pucuk pimpinan parti-parti anggota Barisan Nasional peringkat Kebangsaan, khususnya MCA dan MIC, dapat memberikan kerjasama mereka dalam memelihara dan mengekalkan sejarah perpaduan

...15/-

Demikianlah juga dengan pemimpin-pemimpinnya yang lain di peringkat Negeri, Bahagian dan Cawangan. Mereka jangan terpengaruh dengan desakan atau hasutan dari mana-mana pihak sekalipun. Sebagaimana saya nyatakan tadi, bahawa parti-parti lawan dan anasir-anasir jahat, memang tidak senang dan irihati dengan perpaduan dan persefahaman yang terjalin dalam perkongsian tiga sekawan yang tulin dan asli ini.

17. Saya mintalah kepada pemimpin-pemimpin Johor, supaya jangan pula khayal dengan puji-puji dan kata-kata manis ini. Sebaliknya, mereka hendaklah lebih berwaspada dan berhati-hati, supaya segala apa yang

telah diperkatakan itu, dapat meningkatkan lagi semangat dan tekad perjuangan masing-masing. Nilailah dan hargailah kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai, serta penghormatan dan sanjungan yang telah diperolehi, agar satupun tidak akan jatuh hancur berkecai. Harapan rakyat terhadap keupayaan dan kemampuan kita memanglah tinggi, dan berkhidmatlah dengan sedaya-upaya kita, lagi dengan jujur dan penuh keikhlasan, memenuhi hasrat aspirasi rakyat itu. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terimakasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada malam ini. Insya Allah, kita akan berjumpa lagi. Mudah-

mudahan TUHAN mengurniakan taufik dan hidayahNYA kepada kita semua, sempena dengan majlis yang berbahagia dan permai ini.

Terimakasih.



No Siri 365
No. Penerimaan 155/80